

# Ekonomi Malaysia berkembang 2.9%

**Kuala Lumpur:** Ekonomi Malaysia berkembang 2.9 peratus pada suku kedua 2023, disokong oleh pasaran buruh yang bertambah baik, peningkatan berterusan dalam permintaan domestik dan kegiatan pelancongan, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin berkata, pertumbuhan ekonomi Malaysia menjadi sederhana pada suku itu sebahagiannya disebabkan oleh permintaan luaran yang lebih perlahan susulan kitaran teknologi global, pengeluaran komoditi lebih rendah dan kesan asas lebih tinggi daripada suku kedua 2022 yang mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 8.9 peratus.

Malaysia mencatatkan pertumbuhan KDNK 5.6 peratus pada suku pertama 2023, menjadikan pertumbuhan purata bagi separuh pertama tahun ini pada 4.25 peratus.

Berasaskan pelarasan bermusim suku ke suku, ekonomi negara berkembang 1.5 peratus (suku pertama 2023: 0.9 peratus).

Sementara itu, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Abdul Rasheed Ghaffour berkata, ekonomi Malaysia kekal di landasan untuk mencapai pertumbuhan KDNK antara 4.0 dengan 5.0 peratus tahun ini, dipacu pemulihan berterusan pasaran buruh, pelaksanaan projek serta peningkatan kegiatan pelancongan.

Kerangka Ekonomi Mandiri akan memacu penyusunan semula menyeluruh ekonomi Malaysia, katanya pada sidang media di sini, pada Jumaat.

Beliau berkata, inflasi keseluruhan dijangka



*Pertumbuhan ekonomi Malaysia menjadi sederhana pada suku itu sebahagiannya disebabkan oleh permintaan luaran yang lebih perlahan*

**Mohd Uzir**

pada purata antara 2.8 peratus dengan 3.8 peratus pada 2023 berikutan penyederhanaan inflasi teras dan rasionalisasi subsidi secara beransur-ansur.

"Inflasi teras, walaupun turun, namun kekal tinggi berbanding purata jangka panjang (purata 2011 hingga 2019: 2.0 peratus)," katanya.

Abdul Rasheed berkata, inflasi bukan teras dan inflasi teras menjadi sederhana, apabila makanan segar dan bahan api menyumbang kepada penurunan inflasi bukan teras, manakala penyederhanaan inflasi teras (suku kedua 2023: 3.4 peratus; suku pertama 2023: 3.9 peratus) sebahagian besarnya disumbangkan oleh perkhidmatan terpilih.

Katanya, ini termasuk makanan di luar rumah, perkhidmatan telefon dan telefaks serta pemberian dan penyelenggaraan pengangkutan peribadi.